


MAHKAMAH JENAYAH MASYARAKAT

- > Kategori Kes-kes
- > Persidangan Mahkamah Jenayah Masyarakat
- > Pusat Perkhidmatan Pakar
- > Pilihan Penghukuman Berlandaskan Masyarakat
- > Agensi/Sumber Masyarakat



MAHKAMAH JENAYAH MASYARAKAT

“Sistem keadilan yang menikmati keyakinan orang awam adalah sistem yang memberi perhatian yang sewajarnya kepada keperluan masyarakat. Memandangkan reformasi keadilan asas telah diinstitusikan, masanya adalah sesuai untuk penubuhan sebuah mahkamah pakar yang responsif terhadap keperluan masyarakat. Sebuah Mahkamah Masyarakat yang baru akan ditubuhkan.”

— Yang Mulia Ketua Hakim Negara Chan Sek Keong
Pelan Kerja Mahkamah Rendah Ke-15,
18 Mei 2006

Mahkamah Jenayah Masyarakat yang mengamalkan ‘pendekatan penyelesaian masalah yang menggabungkan keadilan jenayah dan sumber masyarakat untuk tindak balas yang menyeluruh’ telah dibentuk pada 1 Jun 2006. Selain prinsip pencegahan dan pembalasan, Mahkamah Jenayah Masyarakat komited kepada dua prinsip pemulihan dan pencegahan.

Menggunakan pendekatan kumpulan pelbagai disiplin dan yang bukan tradisional untuk menangani pesalah-pesalah, Mahkamah Jenayah Masyarakat meneroka penghukuman alternatif dan sekatan berlandaskan masyarakat dengan penilaian dalam mahkamah. Ini menggalakkan pendekatan penyelesaian masalah terhadap punca melakukan jenayah. Untuk tujuan ini, Hakim-hakim Mahkamah Jenayah Masyarakat, pakar psikologi, dan pekerja sosial bekerjasama dengan agensi masyarakat untuk membangunkan plan rawatan untuk pesalah-pesalah dan plan keselamatan untuk mangsa-mangsa bagi mengurangi kemungkinan pesalah melakukan kesalahan semula.

Kategori Kes-kes

Kategori kes-kes yang didengari di Mahkamah Jenayah Masyarakat adalah:

- > Kes-kes melibatkan pesalah-pesalah berumur 18 hingga bawah 21 tahun;
- > Kes-kes terpilih melibatkan pesalah-pesalah yang mempunyai gangguan mental;
- > Kes-kes keganasan keluarga;
- > Kes-kes penderaan dan kekejaman terhadap binatang;
- > Kes-kes yang membawa kesan kepada isu hubungan berbilang bangsa;
- > Kes-kes terpilih melibatkan tertuduh berumur 65 tahun dan lebih;
- > Kes-kes terpilih yang melibatkan tertuduh dengan masalah-masalah ketagihan kronik; dan
- > Kes-kes mencuri di kedai.

Persidangan Mahkamah Jenayah Masyarakat

Semasa persidangan sebelum perbicaraan, ataupun sebelum atau selepas hukuman dijatuhkan, Hakim Mahkamah Jenayah Masyarakat boleh mengarahkan agar diadakan Persidangan Mahkamah Jenayah Masyarakat (CCC). CCC akan melibatkan anggota keluarga tertuduh, mangsa-mangsa kes keganasan keluarga, dan Peguam Bela, di mana sesuai. CCC berfungsi untuk mencapai beberapa tujuan berikut:

- > Untuk menilai sebab utama bagi tingkah laku tertuduh yang mengulangi kesalahannya, sebagai contoh, tertuduh yang mempunyai senarai rekod lama bagi kes mencuri di kedai dan pertuduhan masa kini di Mahkamah Jenayah Masyarakat ialah untuk kesalahan yang serupa;
- > Untuk meneroka bersama tertuduh (dan keluarganya) plan rawatan yang sesuai untuk menangani punca tingkah laku melakukan kesalahan supaya dapat mengurangkan kemungkinan mengulangi kesalahan;
- > Untuk memberi tindakan susulan segera, plan keselamatan kecemasan, dan penyelarasan sumber bersama agensi berkaitan, sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), Pasukan Polis Singapura, dan pusat-pusat khidmat keluarga untuk mangsa-mangsa keganasan keluarga;

- > Untuk membuat rujukan pra-hukuman dan/atau selepas hukuman kepada agensi-agensi perkhidmatan sosial yang berkaitan, MSF dan/atau Perkhidmatan Penjara Singapura, supaya mengambil tindakan susulan bagi kes-kes untuk memastikan adanya rawatan dan pelan penjagaan yang paling sesuai bagi tertuduh agar dapat elak daripada melakukan kesalahan semula pada masa hadapan;
- > Untuk berhubung dengan agensi-agensi sumber, iaitu, Pusat Keadilan Masyarakat (CJC), Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC), Persatuan Jagaan Susulan Singapura (SACA), Perkhidmatan Masyarakat WE CARE (We Care), dan untuk tindakan susulan bagi setiap kes untuk memudahkan pemulihan yang optimum;
- > Untuk memberi maklumat yang jelas mengenai pilihan-pilihan Penghukuman Berlandaskan Masyarakat (CBS) kepada para tertuduh dan keluarga mereka, iaitu, tujuan dan kesan perintah-perintah tersebut, akibat ketidakpatuhan CBS (iaitu, pembatalan perintah-perintah dan penghukuman semula oleh Mahkamah), serta kuasa Mahkamah untuk mengubah dan meminda perintah-perintah tersebut;
- > Untuk menyediakan penyaringan awal bagi para tertuduh tentang kesesuaian mereka untuk Protokol Pra-Hukuman yang diarahkan Mahkamah (CPSP) di mana tertuduh menyertai program-program dalam masyarakat bagi tempoh yang ditetapkan untuk menangani sebab asas melakukan kesalahan semula, yang boleh digolongkan termasuk ketagihan kronik kepada dadah, alkohol atau perjudian, sebelum beliau dihukum.

Pusat Perkhidmatan Pakar

Demi menyediakan tahap perkhidmatan bersepadu yang tinggi, Mahkamah Jenayah Masyarakat disokong oleh sepasukan psikologi, pekerja sosial dan kakitangan pentadbiran lain dalam penilaian, rujukan, pengurusan dan penyelarasan kes-kes. Pasukan ini dikenali sebagai Pusat Perkhidmatan Pakar (CSS). Menjangkau hukuman tradisional seperti pemenjaraan, denda, dan probesyen, CSS melibatkan agensi-agensi kemasyarakatan di Singapura untuk menyediakan perkhidmatan pemulihan dan pilihan-pilihan rawatan bagi pesalah-pesalah supaya merawat punca tingkah laku melakukan kesalahan, dan mengurangkan kemungkinan mereka mengulangi kesalahan. CSS juga memantau perkembangan pesalah-pesalah dalam program mahkamah serta menghulurkan bantuan kepada keluarga mereka dengan membuat rujukan kepada agensi-agensi bantuan dan sumber-sumber yang berkaitan di dalam masyarakat.

Pilihan Penghukuman Berlandaskan Masyarakat

Pilihan-pilihan Penghukuman Berlandaskan Masyarakat (CBS) atau perintah-perintah kemasyarakatan telah diperkenalkan dalam Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68, Edisi Semakan 2012), untuk memberikan penghukuman yang lebih fleksibel. Mahkamah-mahkamah telah diberikan pilihan-pilihan penghukuman bersenggat untuk kesalahan-kesalahan ringan. Dalam kes-kes yang sesuai, hukuman penjara bagi kesalahan tersebut boleh digantung apabila perintah kemasyarakatan dikenakan. Walau bagaimanapun, apabila tertuduh gagal mematuhi perintah-perintah kemasyarakatan atau melakukan kesalahan semula dan perintah-perintah kemasyarakatan ditarik balik oleh mahkamah, penggantungan pemenjaraan akan dibatalkan dan tertuduh akan menjalani hukuman penjara.

Mahkamah Negara boleh menggunakan pilihan-pilihan CBS sekiranya syarat-syarat keperluan perundangan yang ditetapkan telah dipenuhi. Setiap mahkamah jenayah diberi kuasa untuk mengadakan (sesi) CCC dan mengenakan perintah kemasyarakatan bagi kes-kes yang sesuai. Sekiranya seorang pesalah berjaya menyelesaikan perintah kemasyarakatnya, dengan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan dalam tempoh yang ditetapkan (dan tidak melakukan kesalahan semula semasa tempoh sementara itu), sabitan jenayah tersebut akan dianggap telah digugurkan. Dalam erti kata lain, pesalah tersebut akan dianggap tidak mempunyai rekod sabitan tersebut.

Pilihan-pilihan CBS termasuk:

1. **Perintah Rawatan Mandatori (MTO)** — Melalui Institut Kesihatan Mental, MTO memberikan rawatan untuk pesalah-pesalah yang menghadapi masalah psikiatrik yang boleh dirawat.
2. **Perintah Khidmat Kemasyarakatan (CSO)** — CSO boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah bagi pemulihan, dan untuk mereka berbaik semula dengan masyarakat dengan melaksanakan khidmat kemasyarakatan tanpa gaji di bawah penyeliaan seorang pegawai yang diberi kuasa.
3. **Perintah Pelaporan Siang Hari (DRO)** — DRO ditadbirkan oleh Perkhidmatan Penjara Singapura dan memerlukan seorang pesalah melaporkan diri kepada pusat pelaporan siang hari untuk pemantauan, kaunseling dan menjalani program-program pemulihan.
4. **Perintah Penahanan Singkat (SDO)** — Seorang pesalah boleh ditahan di penjara untuk tempoh tidak melebihi 14 hari.

Agensi/Sumber Masyarakat

Agensi-agensi dan sumber-sumber kemasyarakatan yang memberikan sokongan kepada CSS termasuk:

- > Agensi Penjagaan Bersepadu
- > Pusat Keadilan Masyarakat
- > Pusat Psikoterapi
- > Pusat-pusat Khidmat Keluarga
- > Pusat Permulaan Baru GEM
- > Hope House
- > Institut Kesihatan Mental
- > Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga
- > Khidmat Pengurusan Ketagihan Nasional
- > Pusat Sumber Keluarga Penjara
- > Samaritans of Singapore
- > Persatuan Jagaan Susulan Singapura
- > Persatuan Kanak-kanak Singapura
- > Perkhidmatan Masyarakat We Care

Penafian: Penerbitan ini dihasilkan untuk maklumat umum sahaja dan bukan untuk menggantikan nasihat guaman. Seorang peguam perlu dirujuk sekiranya anda memerlukan nasihat guaman mengenai kes anda. Mahkamah Negara menyangkal sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada dan berkaitan dengan kandungan penerbitan ini.

Semua maklumat adalah tepat pada **1 Mac 2023**.

MAHKAMAH NEGARA

1 Havelock Square
Singapura 059724
Tel: 6 JUSTICE (65878423)
www.judiciary.gov.sg